

Harga ikan naik selepas Aidilfitri

Peniaga tiada pilihan kerana pemborong sudah naikkan harga

SH 26/5/2022

Ms. 2 KUANTAN

Harga ikan di daerah ini naik RM2 hingga RM3 bergantung kepada jenis ikan selepas Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

Tinjauan di Pasar Sejahtera Ikan Segar Beserah di sini, rata-rata peniaga mengakui tentang kenaikan harga itu namun tidak menghadapi masalah dari segi bekalan ikan segar ketika ini.

Seorang peniaga, Othman Ismail, 55, berkata, sebagai peniaga, dia terpaksa akur dengan kenaikan itu walaupun sedikit sebanyak memberi kesan kepada perniagaannya.

Menurutnya, ramai pelanggan merungut apabila harga

ikan naik namun peniaga juga turut terkesan apabila terpaksa menampung kos modal yang lebih tinggi.

"Walaupun harga naik, permintaan pengguna tetap ada cuma agak perlahan. Kalau kenaikan ini berlaku berterusan, ia akan memberi masalah bukan sahaja kepada kami sebagai peniaga malah juga kepada pengguna," katanya.

Othman berkata, antara ikan yang mendapat permintaan di gerainya termasuk ikan selayang dan ikan aya (tongkol) walaupun harga agak meningkat.

Sementara itu, Muhamad Yusri Ahyat, 23, berkata, harga ikan kembung di gerainya kini dijual pada harga antara RM20 hingga RM22 sekilogram.

"Sebelum ini harga paling tinggi RM20 namun selepas Aidilfitri lalu harga mula naik dan berterusan hingga kini. Bagi kami harga ikan tidak menentu terpaksa dihadapi walaupun agak

membebankan.

"Selain bekalan ikan terpaksa dibeli dengan harga lebih tinggi, kos pengangkutan, ais dan sebagainya terpaksa juga diambil kira," katanya.

Muhamad Yusri berkata, jualan harian juga agak perlahan pada hari biasa dan rata-rata peniaga amat bergantung pada jualan pada hujung minggu.

"Jualan harian bergantung kepada harga semasa di peringkat pemborong. Bila harga tinggi macam sekarang, kuantiti ikan terpaksa dikurangkan," katanya.

Mohd Adnan Mat Dahan, 37, berkata, turun dan naik harga ikan bergantung kepada banyak faktor termasuk keadaan cuaca.

Katanya, sesetengah jenis ikan agak kurang ditangkap ketika ini jadi faktor itu mungkin antara yang menyebabkan harganya meningkat.

"Antaranya ikan tenggiri, sebelum Aidilfitri lalu harga modal hanya RM33 sekilogram tetapi sekarang naik kepada RM36.50," katanya.



Sebagai peniaga, Muhamad Yusri terpaksa menaikkan harga jualan bagi meneruskan perniagaan.

LAPORAN
MUKA
DEPAN